

# KAEDAH-KAEDAH PENGANTARAN KLIRCA



**klrc**   
PUSAT TIMBANG TARA  
SERANTAU KUALA LUMPUR

PENYELESAIAN REGIONAL  
SOLUSI GLOBAL

## ***Fasal Model Timbang Tara-i KLRC***

*"Apa-apa pertikaian, kontroversi atau tuntutan yang timbul daripada kontrak ini atau pelanggaran, penamatan atau ketaksahannya hendaklah diselesaikan oleh timbang tara mengikut Kaedah-kaedah Timbang Tara-i KLRC.*

---

# KANDUNGAN

## *Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA*

---

*Bahagian I*

KAEDAH-KAEDAH

PENGANTARAAN KLRCA

*Bahagian II*

JADUAL-JADUAL

*Bahagian III*

AKTA PENGANTARAAN 2012

*Bahagian IV*

PANDUAN KAEDAH-KAEDAH

PENGANTARAAN KLRCA

*Ini adalah Kaedah-Kaedah Pengantaraan KLRCA seperti yang diterbitkan oleh Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.*



**Bahagian I**KAEDAH-KAEDAH  
PENGANTARAAN KLRCA

Kaedah 1 - 2	Pemakaian Kaedah-kaedah	5
Kaedah 3 - 6	Permulaan Prosiding Pengantaraan	
Kaedah 7 - 11	Pelantikan Pengantara	6
Kaedah 12 - 15	Peranan Pengantara	8
Kaedah 16	Peranan Pihak-pihak	9
Kaedah 17 - 18	Kuasa dan Perwakilan	10
Kaedah 19 - 21	Kerahsiaan	
Kaedah 22 - 24	Prosiding	11
Kaedah 25 - 28	Penamatan Pengantaraan	12
Kaedah 29 - 31	Kos	13
Kaedah 32	Bantuan Pentadbiran	14
Kaedah 33 - 34	Pengecualian Liabiliti	15
Kaedah 35 - 36	Peranan Pengantara dalam Prosiding Lain	
Kaedah 37 - 44	Jadual Fi	16

**Bahagian II**

## JADUAL-JADUAL

## Jadual Fi

	i) Pengantaraan Domestik	20
	ii) Pengantaraan Antarabangsa	21
Jadual A	Perjanjian Kerahsiaan dan Akujanji	22
Jadual B	Model Klausula Pengantaraan	25

***Bahagian III***

AKTA PENGANTARAAN 2012

27

***Bahagian IV***PANDUAN KAEDAH-KAEDAH  
PENGANTARAAN KLRCA

45

---

*Bahagian I*

# KAEDAH-KAEDAH PENGANTARAAN KLRC

---



### ***Pemakaian Kaedah-kaedah***

1. Kaedah-kaedah ini terpakai untuk mana-mana pertikaian Pengantaraan yang semasa atau masa hadapan di mana pihak-pihak telah bersetuju bahawa Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA ("Kaedah-kaedah") akan terpakai.
2. Di mana Kaedah-kaedah adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang yang tidak boleh dikurangkan oleh pihak-pihak, peruntukan itu mengatasi.

### ***Permulaan Prosiding Pengantaraan***

3. Mana-mana pihak yang ingin memulakan prosiding Pengantaraan menurut Kaedah-kaedah hendaklah memberi kepada KLRCA satu Permintaan untuk Pengantaraan bertulis yang hendaklah mengandungi perkara berikut:-
  - a) Nama-nama, alamat (termasuk alamat e-mel), nombor telefon pihak-pihak dan mana-mana undang-undang atau wakil-wakil lain yang terlibat;
  - b) Rujukan kepada mana-mana klausa Pengantaraan atau salinan perjanjian pengantaraan yang berasingan, jika ada;
  - c) Rujukan kepada kontrak (jika ada) atau hubungan undang-undang lain (jika ada) daripada atau berkaitan dengan pertikaian yang timbul;

- d) Penjelasan ringkas mengenai jenis pertikaian, jumlah yang terlibat, jika ada, dan apa-apa relief spesifik atau hasil yang dicari oleh mana-mana pihak; dan
  - e) Fi Pendaftaran yang ditetapkan selaras dengan Jadual Fi yang dilampirkan di sini ("Fi Pendaftaran").
4. Apabila menerima suatu Permintaan Pengantaraan secara bertulis di bawah Kaedah 3, KLRCA hendaklah menghantar salinan Permintaan Pengantaraan kepada pihak/pihak-pihak lain yang dinamakan.
  5. Proses Pengantaraan hendaklah disifatkan sebagai telah bermula apabila KLRCA menerima notis penerimaan bertulis bagi Permintaan daripada pihak/pihak-pihak lain.
  6. Jika pihak/pihak-pihak menolak Permintaan atau jika KLRCA tidak menerima jawapan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis bertulis KLRCA terhadap Permintaan di bawah Kaedah 4, KLRCA boleh memilih untuk menganggap ini sebagai satu penolakan Permintaan dan memaklumkan kepada pihak/pihak-pihak yang memulakan Pengantaraan dengan sewajarnya.

### ***Pelantikan Pengantara***

7. Apabila semua pihak telah bersetuju dengan Pengantara yang dicadangkan, yang bersedia untuk berkhidmat dan tidak hilang kelayakan di bawah Kaedah 10, semua pihak secara bersama-sama akan melantik orang itu sebagai Pengantara.



8. Jika, dalam tempoh 30 hari daripada Permintaan Pengantaraan di bawah Kaedah 4, semua pihak tidak menyetujui Pengantara yang dicadangkan yang bersedia untuk berkhidmat dan tidak hilang kelayakan di bawah Kaedah 10, Pengarah KLRCA kemudiannya hendaklah melantik Pengantara dan pihak-pihak dianggap telah meluluskan pelantikan yang dibuat oleh Pengarah KLRCA.
9. Hendaklah ada seorang Pengantara melainkan jika pihak-pihak bersetuju sebaliknya.
10. Tiada seorang pun boleh bertindak sebagai Pengantara dalam apa-apa pertikaian yang mana seseorang itu yang mempunyai apa-apa kepentingan kewangan atau peribadi atau apa-apa percanggahan kepentingan yang mungkin menjejaskan atau yang mungkin semunasabahnya dianggap menjejaskan kebebasan atau keupayaan Pengantara untuk bertindak adil pada setiap masa, kecuali jika pihak-pihak telah diberitahu secara bertulis berkenaan hal keadaan itu dan seterusnya telah dengan nyata mengizinkan secara bertulis kepada pelantikan Pengantara.
11. Jika, selepas pelantikan, Pengantara menyedari apa-apa keadaan yang boleh mewujudkan persepsi yang munasabah untuk mempengaruhi, berat sebelah atau kekurangan keneutralan, Pengantara hendaklah dengan segera supaya memaklumkan pihak-pihak dan, jika Pengantara telah dilantik oleh KLRCA, hendaklah dengan segera memaklumkan KLRCA. Jika mana-mana pihak membantah kepada perkhidmatan berterusan Pengantara, Pengantara hendaklah dibatalkan. Dalam keadaan ini, pihak-pihak akan mempunyai 30 hari tambahan daripada pembatalan Pengantara untuk melantik

Pengantara baru. Jika sekiranya pihak-pihak itu tidak bersetuju dalam tempoh 30 hari dengan seorang Pengantara pengganti yang dicadangkan, yang bersedia untuk berkhidmat dan tidak hilang kelayakan di bawah Kaedah 10, Pengarah KLRCA kemudiannya hendaklah melantik Pengantara dan pihak-pihak dianggap telah meluluskan pelantikan yang dibuat oleh Pengarah KLRCA.

### ***Peranan Pengantara***

12. Pengantara hendaklah membantu pihak-pihak secara bebas dan tidak berat sebelah untuk mencapai penyelesaian pertelingkahan tentang pertikaian.
13. Pengantara boleh menjalankan Pengantaraan dalam apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan sesuai Pengantara, dengan mengambil kira hal keadaan pertikaian itu, hasrat pihak-pihak dan mana-mana pertimbangan praktikal yang mungkin relevan untuk resolusi yang memuaskan dan cepat tentang pertikaian itu.
14. Sebelum atau semasa Pengantaraan, Pengantara boleh berkomunikasi dengan pihak-pihak secara bersama-sama, atau dengan mana-mana pihak secara berasingan, dengan atau tanpa wakilnya, sama ada secara peribadi, melalui telefon, sidang video atau elektronik sebagaimana yang Pengantara fikirkan sesuai.

15. Pihak-pihak mungkin dikehendaki oleh Pengantara untuk menyertai persidangan permulaan sebelum bermulanya Pengantaraan formal. Tujuan persidangan permulaan adalah untuk membolehkan pihak-pihak, dengan bantuan Pengantara, untuk:
  - a) Membincangkan dan bersetuju dengan isu-isu yang dipertikaikan atau merumuskan proses yang isu-isu perlu dijelaskan dan dipersetujui;
  - b) Membuat peruntukan untuk, selaras dengan arahan Pengantara, khidmat dan pertukaran bahan dokumentari yang berkaitan dengan Pengantaraan termasuk kertas kerja oleh semua pihak;
  - c) Membuat peruntukan bagi apa-apa perancangan lain dan urusan pentadbiran yang perlu dan sesuai untuk membolehkan Pengantaraan untuk diteruskan.

### ***Peranan Pihak-pihak***

16. Setiap pihak dalam Pengantaraan mempunyai tanggungjawab untuk turut serta dalam Pengantaraan. Setiap pihak dan wakil-wakil mereka akan menggunakan ikhtiar terbaik mereka untuk bekerjasama dengan satu sama lain dan dengan Pengantara untuk menyelesaikan perbezaan mereka.

### ***Kuasa dan Perwakilan***

17. Setiap pihak dalam Pengantaraan boleh dibantu atau diwakili oleh mana-mana orang yang ia pilih (termasuk penasihat undang-undang). Pengenalan, butiran perhubungan dan peranan mana-mana orang itu mesti didedahkan kepada semua pihak dan kepada Pengantara.
18. Setiap pihak dalam Pengantaraan mesti mempunyai kuasa untuk menyelesaikan pertikaian atau diwakili oleh orang atau orang-orang yang mempunyai kuasa penuh untuk menyelesaikan pertikaian itu. Jika mana-mana kuasa tersebut adalah terhad, had kuasa itu mesti didedahkan kepada pihak-pihak dan pengantara.

### ***Kerahsiaan***

19. Semua prosiding pengantaraan hendaklah menjadi sulit dan peribadi. Semua pihak dan peserta dalam Pengantaraan hendaklah melaksanakan suatu akujanji bertulis dalam bentuk Akujanji Kerahsiaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual A untuk memberi kesan kepada keperluan ini.
20. Sebarang maklumat yang diberikan kepada Pengantara oleh pihak dalam kokus atau sesi persendirian boleh dirahsiakan antara pihak yang mengeluarkan maklumat dan Pengantara melainkan jika pihak yang memberikan maklumat itu mengizinkan pendedahan kepada mana-mana pihak lain untuk Pengantaraan itu.

21. Pengantara, semua pihak dan peserta dalam Pengantaraan mesti memastikan semua hal-hal yang berhubungan dengan atau yang timbul daripada Pengantaraan sebagai sulit dan peribadi kecuali:-
  - a) Jika pendedahan didesak melalui undang-undang;
  - b) Sekiranya perlu untuk memberi kesan kepada perjanjian Pengantaraan atau untuk menguatkuasakan perjanjian yang dicapai untuk melunaskan atau menyelesaikan keseluruhan atau mana-mana bahagian pertikaian itu;
  - c) Dengan persetujuan pihak-pihak kepada Pengantaraan.

### ***Prosiding***

22. Melainkan jika pihak-pihak bersetuju sebaliknya, prosiding pengantaraan hendaklah diadakan di premis KLRCA.
23. Pihak-pihak akan dimaklumkan tentang masa dan tempat prosiding Pengantaraan yang hendaklah tertakluk kepada pihak-pihak dalam perjanjian.
24. Pihak-pihak hendaklah memastikan bahawa mereka mempunyai semua perkhidmatan tambahan yang diperlukan apabila diperlukan untuk Pengantaraan.

### ***Penamatan Pengantaraan***

25. Pengantara boleh menggantung atau menamatkan Pengantaraan atau menarik diri sebagai Pengantara apabila dia semunasabahnya mempercayai hal keadaan memerlukan, termasuk apabila dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mengesyaki bahawa:-
- a) Pihak-pihak terlibat dalam salah laku/ penipuan, atau
  - b) Pihak-pihak tidak dapat mengambil bahagian secara bermakna dan munasabah dalam rundingan; atau
  - c) Kesenambungan proses Pengantaraan akan menyebabkan kemudaratan yang ketara kepada mana-mana pihak atau pihak ketiga.
26. Apabila Pengantara menentukan bahawa ia adalah perlu untuk menggantung atau menamatkan Pengantaraan atau untuk menarik balik, Pengantara perlu berbuat demikian tanpa melanggar kewajipan kerahsiaan dan dengan cara yang akan menyebabkan kemungkinan paling sedikit kerosakan kepada pihak-pihak.
27. Pengantara hendaklah dengan segera memberitahu Pengarah KLRCA mengenai penamatan itu.
28. Selain daripada penamatan berlaku di bawah Kaedah 25, Pengantaraan akan dianggap ditamatkan apabila:-
- a) Setelah penandatanganan perjanjian penyelesaian bertulis oleh pihak-pihak;

- b) Suatu akuan bertulis oleh Pengantara, selepas berunding dengan pihak-pihak, yang menyatakan bahawa percubaan selanjutnya pada Pengantaraan tidak lagi dibenarkan;
- c) Suatu akuan bertulis oleh mana-mana pihak yang ditujukan kepada Pengantara yang menyatakan bahawa Pengantaraan dengan ini ditamatkan; atau
- d) Tamat tempoh 3 bulan dari tarikh Permintaan Pengantaraan di bawah Kaedah 4 melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak; atau
- e) Dengan perintah Pengarah KLRCA sekiranya apa-apa wang yang kena dibayar dengan sempurna di bawah Kaedah 30 tidak dibayar seperti yang dikehendaki oleh Kaedah-kaedah.

### **Kos**

- 29. Melainkan jika dipersetujui atau diperintahkan oleh mahkamah atau penimbang tara, setiap pihak hendaklah menanggung sendiri kos Pengantaraan.
- 30. Kos dan perbelanjaan Pengantaraan hendaklah termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
  - a) Fi profesional Pengantara;
  - b) Kos sewa tempat, termasuk bilik mesyuarat, bilik pelarian, makanan, bayaran terjemahan, fi foto kopi, akses internet, perbelanjaan telefon dan komunikasi, kos pentadbiran yang ditanggung di bawah Kaedah 30 (d), dan

apa-apa kos lain yang munasabah dan yang ditanggung berhubung dengan organisasi atau pengendalian Pengantaraan;

- c) Mana-mana fi atau kos yang dinyatakan di atas berhubung dengan nasihat pakar atau saksi pakar yang menghadiri atau memberi nasihat itu dengan persetujuan pihak-pihak;
- d) Caj pentadbiran yang betul daripada KLRCA berhubung dengan tatacara Pengantaraan yang ditetapkan mengikut kaedah ini. Tanpa membataskan yang tersebut di atas, kos KLRCA mungkin termasuk:-
  - i) Fi Pendaftaran;
  - ii) Fi Pelantikan dan
  - iii) Apa-apa Kos Pentadbiran.

31. Pihak-pihak adalah bertanggungjawab secara bersama dan berasingan bagi kos dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam Kaedah 30 di atas.

### ***Bantuan Pentadbiran***

32. Tertakluk kepada Kaedah 24 di atas, Pengarah KLRCA boleh mengatur untuk penterjemah, bantuan pentadbiran, dan/atau kemudahan-kemudahan lain untuk memudahkan Pengantaraan atas permintaan Pengantara atau pihak-pihak.



### ***Pengecualian Liabiliti***

33. Kecuali dalam kes penipuan di pihak KLRCA atau orang yang mendakwa imuniti atau perlindungan daripada guaman di bawah kaedah ini, sama ada KLRCA atau Pengantara akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak atau mana-mana peserta lain dalam Pengantaraan bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang berhubung dengan atau yang timbul daripada Pengantaraan yang dijalankan di bawah peraturan-peraturan ini atau berkenaan dengan atau yang timbul daripada apa-apa penyelesaian dicapai dalam mana-mana Pengantaraan yang dijalankan di bawah peraturan ini.
34. Semua pernyataan sama ada secara bertulis atau lisan yang dibuat dalam masa Pengantaraan itu tidak boleh diharapkan untuk memulakan atau mengekalkan apa-apa tindakan fitnah, libel, dusta atau apa-apa aduan yang berkaitan.

### ***Peranan Pengantara dalam Prosiding Lain***

35. Pengantara tidak boleh, tanpa persetujuan pihak-pihak, bertindak sebagai penimbang tara atau sebagai wakil atau penasihat suatu pihak atau hadir sebagai saksi dalam mana-mana prosiding timbang tara atau kehakiman atau memberi nasihat kepada sesiapa sekalipun berhubung dengan pertikaian yang menjadi subjek Pengantaraan.
36. Pihak-pihak dan Pengantara bersetuju bahawa mereka tidak akan mengemukakan Pengantara sebagai saksi dalam mana-mana prosiding itu, mahupun mereka tidak akan sepina atau

berusaha untuk memaksa Pengantara untuk memberikan keterangan atau mengemukakan dokumen dalam mana-mana prosiding perundangan atau arbitrase selanjutnya.

### ***Jadual Fi***

37. Pihak-pihak adalah bebas untuk bersetuju dengan Pengantara berkenaan Fi Pengantara. Melainkan sebaliknya dipersetujui, Jadual Fi akan dikenakan.
38. Jadual Fi menyediakan skala fi untuk Pengantaraan Domestik dan Antarabangsa.
  - a) “Pengantaraan Antarabangsa” bermakna Pengantaraan yang—
    - i) Salah satu pihak untuk Pengantaraan mempunyai tempat perniagaan di mana-mana negara selain daripada Malaysia;
    - ii) Mana-mana tempat yang mana sebahagian besar obligasi mana-mana perhubungan perdagangan atau lain-lain perhubungan yang hendak dilaksanakan atau tempat yang hal perkara pertikaian itu paling dekat; atau
    - iii) Pihak-pihak dengan nyatanya telah bersetuju bahawa hal perkara Pengantaraan adalah berkaitan dengan lebih daripada satu Negara.

- b) "Pengantaraan Domestik" adalah sebarang Pengantaraan yang bukan "Pengantaraan Antarabangsa" dalam mana-mana negara lain daripada Malaysia.
39. Sebelum bermulanya Pengantaraan, setiap pihak hendaklah membayar Fi Pendaftaran, Fi Pelantikan (jika ada) dan menandatangani Fi Pengantara dan Kos Pentadbiran dengan KLRCA mengikut Jadual Fi yang dilampirkan di sini.
40. Pada bila-bila masa semasa Pengantaraan, Pengarah KLRCA mungkin memerlukan deposit tambahan dibayar oleh pihak-pihak disebabkan daripada kos dan perbelanjaan yang disebut dalam Kaedah 30. Mana-mana tambahan wang yang diminta oleh Pengarah KLRCA disebabkan kos dan perbelanjaan yang disebut dalam Kaedah 30 hendaklah dibayar 15 hari selepas menerima permintaan untuk deposit tambahan.
41. Jika mana-mana wang yang disebut dalam Kaedah-kaedah 29 dan 30 adalah tidak dijelaskan dengan sepenuhnya oleh kedua-dua pihak dalam masa 15 hari selepas menerima Permintaan, Pengarah KLRCA hendaklah memaklumkan pihak-pihak supaya salah satu atau yang lain daripada mereka boleh membuat bayaran yang diperlukan.
42. Jika mana-mana jumlah deposit yang diperlukan tidak dibuat, Pengantara, selepas perundingan dengan Pengarah KLRCA, boleh memerintahkan penggantungan atau penamatan prosiding Pengantaraan.

43. Pengarah KLRCA boleh memohon deposit untuk fi dan pembayaran yang ditanggung oleh KLRCA dan Pengantara untuk Pengantaraan.
44. Selepas penamatan Pengantaraan, Pengarah KLRCA hendaklah memberikan akaun kepada pihak-pihak yang menerima deposit dan digunakan dan mengembalikan apa-apa baki yang tidak dibelanjakan kepada pihak-pihak.

---

*Bahagian II*

# KAEDAH-KAEDAH TIMBANG TARA UNCITRAL

*(seperti disemak pada tahun 2010)*

---



**Jadual Fi****PENGANTARAAN DOMESTIK****a) *Fi Pendaftaran***

Fi pendaftaran tidak dikembalikan sebanyak RM150.00 kena dibayar oleh pihak yang memulakan Pengantaraan (Kaedah 3(e)).

**b) *Kos Pentadbiran***

Kos Pentadbiran untuk Pengantaraan hendaklah ditetapkan sebanyak RM500.00 per kes.

**c) *Fi Pengantara***

- i) RM3500.00 per hari; dan
- ii) RM450.00 per jam untuk menyemak dokumen-dokumen dan kerja-kerja berkaitan.

## PENGANTARAAN ANTARABANGSA

### **a) *Fi Pendaftaran***

Fi pendaftaran tidak dikembalikan sebanyak USD50.00 kena dibayar oleh pihak yang memulakan Pengantaraan (Kaedah 3(e)).

### **b) *Kos Pentadbiran***

Kos Pentadbiran untuk Pengantaraan hendaklah ditetapkan sebanyak USD250.00 per kes.

### **c) *Fi Pengantara***

- i) USD6000.00 per hari; dan
- ii) USD750.00 per jam untuk menyemak dokumen-dokumen dan kerja-kerja berkaitan.

**Jadual A****Perjanjian Kerahsiaan dan Akujanji****Pihak-pihak:**

..... Dan

..... Dan

..... (**"Pengantara"**)

telah memeterai perjanjian pengantaraan bertarikh  
hari bulan selaras dengan Pengantara  
yang akan menjalankan Pengantaraan.

1. Yang bertandatangan di bawah mengakui dengan tandatangan mereka bahawa mereka menghadiri pengantaraan atas dasar perjanjian mereka kepada terma klausa 2 dan 3 di bawah.
2. Setiap satu yang bertandatangan di bawah ini mengakujanji kepada pihak-pihak dan Pengantara:
  - a) untuk menyimpan kerahsiaan kepada diri mereka sendiri dan mana-mana orang yang kepadanya dengan sebab syarat-syarat pekerjaan mereka atau apa-apa kontrak insurans mereka boleh mengkomunikasikan dengan betul, semua maklumat yang



didedahkan semasa Pengantaraan termasuk langkah-langkah awal ("**maklumat sulit**");

- b) tidak boleh bertindak bertentangan dengan akujanji dalam sub-perenggan (a) melainkan jika dipaksa oleh undang-undang untuk berbuat demikian atau dengan persetujuan pihak yang mendedahkan maklumat sulit;
  - c) tidak menggunakan maklumat sulit untuk tujuan selain daripada Pengantaraan.
3. Setiap satu daripada bertandatangan di bawah ini mengaku janji kepada pihak-pihak dan Pengantara bahawa berikut akan dilindungi dan tidak akan didedahkan di dalam atau disandarkan atau menjadi perkara apa-apa sepina untuk memberikan keterangan atau mengemukakan dokumen dalam mana-mana prosiding timbang tara atau kehakiman antara pihak-pihak Pengantaraan:
- a) mana-mana cadangan penyelesaian sama ada yang dibuat oleh pihak atau Pengantara;
  - b) kesediaan pihak mempertimbangkan cadangan tersebut;
  - c) mana-mana kemasukan atau konsesi yang dibuat oleh pihak lain;
  - d) mana-mana pernyataan atau dokumen yang dibuat oleh Pengantara.
4. Semua pihak mengakui bahawa Pengantara boleh mendedahkan maklumat semasa atau diperolehi berkaitan dengan Pengantaraan dalam mana-mana satu atau lebih keadaan berikut:

- a) dengan keizinan daripada orang yang daripadanya maklumat itu telah diperolehi;
- b) berkaitan dengan fakta bahawa perjanjian atau perkiraan telah dicapai dan mengenai inti pati perjanjian atau perkiraan itu;
- c) jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa pendedahan adalah perlu untuk mencegah atau mengurangkan bahaya kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta;
- d) jika penzahiran itu semunasabahnya dikehendaki untuk tujuan bersama-sama dengan merujuk mana-mana pihak atau pihak ke sesi pengantaraan kepada mana-mana orang, agensi, organisasi, Persatuan Peguam, Persatuan Undang-undang atau badan lain dan pendedahan itu dibuat dengan persetujuan pihak-pihak kepada sesi pengantaraan bagi tujuan membantu dalam menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak atau membantu pihak-pihak dalam apa-apa cara lain;
- e) mengikut syarat yang dikenakan oleh atau di bawah undang-undang negara atau negeri.

.....  
Tandatangan

.....  
Cetakan Nama

.....  
Tandatangan

.....  
Cetakan Nama

.....  
Tandatangan

.....  
Cetakan Nama

### **Jadual B**

#### **Model Klausu Pengantaraan**

*"Di mana, sekiranya ada pertikaian yang berbangkit daripada atau berhubung dengan kontrak ini, pihak-pihak yang ingin mencari penyelesaian secara damai bagi pertikaian itu dengan pengantaraan, pengantaraan hendaklah mengambil tempat selaras dengan Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur untuk Pengantaraan yang pada masa ini berkuat kuasa."*

---

*Bahagian III*

AKTA  
PENGANTARAAN  
2012

---



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

*Akta 749*

### AKTA PENGANTARAAN 2012

#### ***Susunan Seksyen***

#### ***Bahagian I***

##### ***Permulaan***

1. Tajuk Ringkas dan Permulaan Kuat Kuasa
2. Ketidakpakaian
3. Tafsiran
4. Pengantaraan Tidak Menghalang Tindakan Mahkamah, Timbang Tara, dsb

#### ***Bahagian II***

##### ***Permulaan Pengantaraan***

5. Permulaan Pengantaraan
6. Perjanjian Pengantaraan

#### ***Bahagian III***

##### ***Pengantara***

7. Pelantikan Pengantara
8. Penamatan Pelantikan Pengantara

***Bahagian IV******Proses Pengantaraan***

9. Peranan Pengantara
10. Pengemukaan Pernyataan kepada Pengantara
11. Perjalanan Pengantaraan

***Bahagian V******Berakhirnya Pengantaraan***

12. Berakhirnya Pengantaraan
13. Perjanjian Penyelesaian
14. Kesan Perjanjian Penyelesaian

***Bahagian VI******Kerahsiaan dan Perlindungan***

15. Kerahsiaan
16. Perlindungan

***Bahagian VII******Pelbagai***

17. Kos
18. Kuasa Meminda Jadual
19. Tanggungan Pengantara
20. Peraturan-peraturan

***Jadual***

## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### *Akta 749*

## AKTA PENGANTARAAN 2012

Suatu Akta untuk menggalakkan dan mempertingkatkan pengantaraan sebagai suatu kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dengan mengadakan peruntukan bagi proses pengantaraan, dan dengan demikian itu memudahkan pihak-pihak dalam pertikaian untuk menyelesaikan pertikaian secara adil, cepat dan berkesan daripada segi kos dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubungan.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

### ***Bahagian I*** ***Permulaan***

#### **1. *Tajuk Ringkas dan Permulaan Kuat Kuasa***

- 1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengantaraan 2012.
- 2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **2. *Ketidakkpakaian***

- 1) Akta ini tidak terpakai bagi—
  - a) apa-apa pertikaian berkenaan dengan perkara yang dinyatakan dalam Jadual;

- b) apa-apa pengantaraan yang dijalankan oleh seseorang hakim, majistret atau pegawai mahkamah menurut apa-apa tindakan sivil yang telah difailkan di mahkamah; dan
- c) apa-apa pengantaraan yang dijalankan oleh Jabatan Bantuan Guaman.

### 3. *Tafsiran*

Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

**“bukan pihak”** ertinya seseorang yang menyertai pengantaraan, selain seseorang pihak atau pengantara, dan termasuklah peguam setiap pihak, pakar dalam hal perkara sesuatu pertikaian dan saksi;

**“institusi”** ertinya sesuatu badan atau organisasi yang mengadakan khidmat pengantaraan;

**“komunikasi pengantaraan”** ertinya suatu pernyataan lisan atau bertulis yang dibuat—

- a) semasa pengantaraan;
- b) berhubung dengan pengantaraan; atau
- c) bagi maksud mempertimbangkan, menjalankan, menyertai, memulakan, meneruskan, mengadakan semula atau mengakhiri pengantaraan atau mengambil khidmat pengantara;



**"Menteri"** ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang;

**"pengantara"** ertinya pengantara yang dilantik oleh pihak-pihak di bawah seksyen 7;

**"pengantaraan"** ertinya suatu proses secara sukarela apabila seseorang pengantara memudahkan komunikasi dan perundingan antara pihak-pihak bagi membantu pihak-pihak itu untuk mencapai persetujuan berkenaan dengan sesuatu pertikaian;

**"perjanjian pengantaraan"** ertinya perjanjian yang disebut dalam seksyen 6;

**"perjanjian penyelesaian"** ertinya perjanjian yang disebut dalam seksyen 13;

**"pihak"** ertinya suatu pihak kepada perjanjian pengantaraan dan termasuklah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;

**"prosiding"** ertinya apa-apa prosiding daripada jenis sivil dan termasuklah permohonan pada mana-mana peringkat prosiding.

#### **4. Pengantaraan Tidak Menghalang Tindakan Mahkamah, Timbang Tara, dsb.**

- 1) Tertakluk kepada seksyen 2, mana-mana orang boleh, sebelum memulakan apa-apa tindakan sivil di mahkamah atau timbang tara, mencadangkan pengantaraan.

- 2) Pengantaraan di bawah Akta ini tidak menghalang permulaan apa-apa tindakan sivil di mahkamah atau timbang tara dan tidak menjadi sebagai penggantungan, atau pelanjutan apa-apa prosiding, jika prosiding itu telah dimulakan.

## ***Bahagian II***

### ***Permulaan Pengantaraan***

#### ***5. Permulaan Pengantaraan***

- 1) Seseorang boleh mencadangkan pengantaraan dengan menghantar kepada orang yang dengannya dia mempunyai pertikaian, suatu pelawaan bertulis berkenaan dengan pengantaraan itu.
- 2) Pelawaan bertulis yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah menyatakan secara ringkas perkara yang dipertikaikan.
- 3) Apabila diterima pelawaan bertulis yang dihantar oleh orang yang mencadangkan pengantaraan di bawah subseksyen (1), orang yang dengannya dia mempunyai pertikaian boleh, secara bertulis, menerima pelawaan bertulis itu.
- 4) Sesuatu pengantaraan hendaklah disifatkan telah bermula apabila orang yang mencadangkan pengantaraan menerima penyetujuteraan pelawaan bertulis daripada orang yang dengannya dia mempunyai pertikaian di bawah subseksyen (3).
- 5) Sesuatu pelawaan berkenaan dengan pengantaraan di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan telah ditolak jika orang yang mencadangkan

pengantaraan tidak menerima jawapan daripada orang yang dengannya dia mempunyai pertikaian, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh dia menghantar kepada orang itu pelawaan bertulis itu atau dalam apa-apa tempoh lain yang dinyatakan dalam pelawaan bertulis itu.

## **6. Perjanjian Pengantaraan**

- 1) Apabila bermulanya pengantaraan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen 5(4), pihak-pihak hendaklah membuat suatu perjanjian pengantaraan.
- 2) Suatu perjanjian pengantaraan hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak.
- 3) Suatu perjanjian pengantaraan hendaklah mengandungi persetujuan pihak-pihak untuk mengemukakan kepada pengantaraan pertikaian yang telah timbul atau yang mungkin timbul antara mereka, pelantikan pengantara, kos yang akan ditanggung oleh pihak-pihak dan perkara lain yang difikirkan sesuai oleh pihak-pihak.

## **Bahagian III Pengantara**

### **7. Pelantikan Pengantara**

- 1) Pihak-pihak hendaklah melantik seorang pengantara bagi membantu mereka dalam pengantaraan.

- 2) Pengantara yang dilantik di bawah Bahagian ini hendaklah—
  - a) memiliki kelayakan, pengetahuan khas atau pengalaman yang berkaitan dalam pengantaraan melalui latihan atau pendidikan tinggi formal; atau
  - b) memenuhi kehendak sesuatu institusi berhubung dengan seseorang pengantara.
- 3) Pihak-pihak boleh meminta bantuan daripada institusi untuk melantik seorang pengantara atau beberapa orang pengantara bagi pihak mereka.
- 4) Pelantikan seseorang pengantara di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat melalui perjanjian pengantaraan di bawah seksyen 6 dan hendaklah ada seorang pengantara bagi sesuatu pengantaraan melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak.
- 5) Jika ada lebih daripada seorang pengantara, pengantara-pengantara itu hendaklah bertindak berse sama dalam pengantaraan itu.
- 6) Tiada pelantikan mana-mana pengantara adalah sah kecuali dengan persetujuan bertulis pengantara terlebih dahulu.
- 7) Pengantara yang dilantik di bawah Bahagian ini hendaklah menzahirkan, sebelum menerima pelantikannya, apa-apa fakta yang diketahui yang seseorang yang munasabah akan memikirkan berkemungkinan menjejaskan kesaksamaannya sebagai pengantara, termasuklah kepentingan kewangan atau peribadi dalam keputusan pengantaraan itu.

- 8) Pengantara boleh dibayar suatu fi atau diberi apa-apa balasan lain sebagaimana yang dipersetujui antara pihak-pihak.

## **8. Penamatan Pelantikan Pengantara**

- 1) Sekiranya pengantara yang dilantik di bawah Bahagian ini—
  - a) tidak lagi memiliki kelayakan, pengetahuan khas atau pengalaman yang berkaitan dalam pengantaraan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 7(2)(a);
  - b) tidak lagi memenuhi kehendak sesuatu institusi berhubung dengan seseorang pengantara sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan 7(2)(b);
  - c) didapati mempunyai kepentingan kewangan atau peribadi dalam pertikaian itu;
  - d) didapati memperoleh pelantikannya secara fraud; atau
  - e) tidak dapat menjadi pengantara bagi pengantaraan itu, pihak-pihak boleh menamatkan pelantikan pengantara itu dan melantik pengantara lain bagi pengantaraan itu atau meminta institusi untuk melantik pengantara lain.
- 2) Walau apa pun subseksyen (1), pihak-pihak boleh menamatkan pelantikan pengantara atas apa-apa sebab dan hendaklah memaklumkan pengantara sebab bagi penamatan itu.

## ***Bahagian IV***

### ***Proses Pengantaraan***

#### ***9. Peranan Pengantara***

- 1) Pengantara hendaklah memudahkan pengantaraan dan menentukan cara pengantaraan akan dijalankan.
- 2) Pengantara boleh membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian yang memuaskan bagi pertikaian itu dan mencadangkan opsyen bagi penyelesaian pertikaian itu.
- 3) Bagi maksud subseksyen (1), pengantara hendaklah bertindak secara bebas dan saksama.

#### ***10. Pengemukakan Pernyataan kepada Pengantara***

- 1) Pengantara boleh meminta setiap pihak untuk mengemukakan pernyataan yang menghuraikan fakta ringkas pertikaian, disertai dengan apa-apa dokumen yang disifatkan sesuai oleh pihak itu untuk dikemukakan.
- 2) Pada mana-mana peringkat pengantaraan, pengantara boleh meminta mana-mana pihak supaya mengemukakan apa-apa maklumat atau dokumen tambahan sebagaimana yang disifatkan sesuai oleh pengantara.

## **11. Perjalanan Pengantaraan**

- 1) Pengantara hendaklah memastikan bahawa pengantaraan dijalankan secara tertutup dan pengantara boleh berjumpa dengan pihak-pihak bersama-sama atau dengan setiap pihak secara berasingan.
- 2) Walau apa pun subseksyen (1)—
  - a) seseorang bukan pihak yang dipilih oleh mana-mana pihak boleh menyertai pengantaraan bagi membantu pihak itu, tertakluk kepada persetujuan pengantara; dan
  - b) seseorang bukan pihak yang dipilih oleh pengantara boleh menyertai pengantaraan bagi membantu pengantara semasa pengantaraan, tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak.
- 3) Pengantara boleh mengakhiri pengantaraan jika, pada pendapatnya, usaha selanjutnya melalui pengantaraan tidak akan menyumbang kepada penyelesaian yang memuaskan bagi pertikaian antara pihak-pihak itu.

## **Bahagian V** **Berakhirnya Pengantaraan**

## **12. Berakhirnya Pengantaraan**

Pengantaraan hendaklah berakhir—

- a) apabila perjanjian penyelesaian ditandatangani oleh pihak-pihak di bawah seksyen 13;

- b) apabila pengantara mengeluarkan suatu akuan bertulis kepada pihak-pihak yang menyatakan bahawa usaha selanjutnya melalui pengantaraan tidak akan menyumbang kepada penyelesaian yang memuaskan bagi pertikaian itu;
- c) apabila pihak-pihak mengeluarkan suatu akuan bertulis kepada pengantara yang menyatakan bahawa pengantaraan itu ditamatkan; atau
- d) melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh perjanjian pengantaraan yang disebut dalam seksyen 6—
  - i) apabila suatu pihak mengeluarkan suatu akuan bertulis kepada pihak yang satu lagi dan pengantara yang menyatakan bahawa pengantaraan itu ditamatkan;
  - ii) apabila mana-mana pihak menarik diri daripada pengantaraan itu; atau
  - iii) apabila mana-mana pihak mati atau tidak berkeupayaan.

### **13. Perjanjian Penyelesaian**

- 1) Apabila pengantaraan berakhir dan pihak-pihak mencapai persetujuan berkenaan dengan sesuatu pertikaian, pihak-pihak itu hendaklah membuat suatu perjanjian penyelesaian.
- 2) Perjanjian penyelesaian di bawah subseksyen (1) hendaklah secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak-pihak.



- 3) Pengantara hendaklah mengesahkan perjanjian penyelesaian itu dan memberikan suatu salinan perjanjian itu kepada pihak-pihak.

#### **14. Kesan Perjanjian Penyelesaian**

- 1) Perjanjian penyelesaian hendaklah mengikat pihak-pihak.
- 2) Jika prosiding telah dimulakan di mahkamah, perjanjian penyelesaian itu boleh direkodkan di hadapan mahkamah itu sebagai penghakiman persetujuan atau penghakiman mahkamah itu.

### ***Bahagian VI Kerahsiaan dan Perlindungan***

#### **15. Kerahsiaan**

- 1) Tiada seorang pun boleh menzahirkan apa-apa komunikasi pengantaraan.
- 2) Walau apa pun subseksyen (1), komunikasi pengantaraan boleh dizahirkan jika—
  - a) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan pihak-pihak;
  - b) penzahiran itu dibuat dengan persetujuan orang yang memberikan komunikasi pengantaraan itu;
  - c) penzahiran itu dikehendaki di bawah Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau

jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

- d) penzahiran itu dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain bagi maksud pelaksanaan atau penguatkuasaan sesuatu perjanjian penyelesaian.

## **16. Perlindungan**

- 1) Apa-apa komunikasi pengantaraan dilindungi dan tidak tertakluk kepada penzahiran atau tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding.
- 2) Walau apa pun subseksyen (1), komunikasi pengantaraan tidak dilindungi jika—
  - a) perlindungan itu diketepikan dengan nyata secara bertulis oleh pihak-pihak, pengantara dan bukan pihak;
  - b) ia dokumen awam menurut Akta Keterangan 1950 [Akta 56];
  - c) ia ugutan untuk menyebabkan kecederaan tubuh badan atau untuk melakukan jenayah;
  - d) ia digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi merancang jenayah, cubaan melakukan atau melakukan jenayah, atau bagi menyembunyikan jenayah atau kegiatan jenayah atau jenayah atau kegiatan jenayah yang sedang dilakukan;

- e) ia diperoleh atau ditawarkan untuk membuktikan atau membuktikan sebaliknya sesuatu dakwaan atau aduan mengenai salah laku atau amalan salah berkaitan dengan profesion yang difailkan terhadap pengantara; atau
- f) ia diperoleh atau ditawarkan untuk membuktikan atau membuktikan sebaliknya sesuatu dakwaan atau aduan mengenai salah laku atau amalan salah berkaitan dengan profesion yang difailkan terhadap sesuatu pihak, bukan pihak, atau wakil pihak berdasarkan kelakuannya semasa mana-mana sesi pengantaraan.

## ***Bahagian VII Pelbagai***

### ***17. Kos***

- 1) Kos pengantaraan hendaklah ditanggung secara sama rata oleh pihak-pihak.
- 2) Walau apa pun subseksyen (1), pihak-pihak boleh bersetuju tentang amaun kos yang akan ditanggung oleh setiap pihak.

### ***18. Kuasa Meminda Jadual***

Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, meminda Jadual.

### **19. *Tanggungjawab Pengantara***

Seseorang pengantara tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan berkenaan dengan apa-apa yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan dalam menunaikan fungsinya sebagai pengantara melainkan jika perbuatan atau peninggalan itu telah dibuktikan sebagai fraud atau melibatkan salah laku secara sengaja.

### **20. *Peraturan-peraturan***

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan yang lebih baik tujuan dan maksud Akta ini.

**Jadual**

[Perenggan 2(a)]

**Ketidapkakaian**

- 1) Prosiding yang melibatkan persoalan yang berbangkit tentang kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan Persekutuan.
- 2) Guaman yang melibatkan writ prerogatif, sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91].
- 3) Prosiding yang melibatkan remedi injunksi sementara atau injunksi kekal.
- 4) Petisyen pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].
- 5) Prosiding di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486].
- 6) Prosiding yang melibatkan perjalanan bidang kuasa asal Mahkamah Persekutuan di bawah Perkara 128 Perlembagaan Persekutuan.
- 7) Semakan kehakiman.
- 8) Rayuan.
- 9) Semakan.
- 10) Apa-apa prosiding di hadapan mahkamah anak negeri.
- 11) Apa-apa perkara jenayah.

---

*Bahagian IV*

PANDUAN  
KAEDAH-KAEDAH  
PENGANTARAAN  
KLRC A

---



**1. *Apakah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA adalah satu set peraturan tatacara yang meliputi semua aspek proses Pengantaraan untuk membantu pihak-pihak menyelesaikan pertikaian domestik atau antarabangsa.

**2. *Di mana saya boleh jumpa model klausa Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Pihak-pihak yang ingin bertindak menggunakan Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA boleh menggabungkan model klausa KLRCA dalam perjanjian-perjanjian mereka. Model Klausa ini boleh didapati di bawah Jadual B Kaedah-kaedah ini.

**3. *Apakah yang harus saya lakukan jika saya tidak mempunyai model klausa Pengantaraan dalam perjanjian saya?***

Kaedah-kaedah ini juga mungkin terpakai jika pihak-pihak bersetuju bahawa pertikaian itu perlu diselesaikan melalui pengantaraan menurut Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA sebagai satu cara memudahkan untuk mencapai keputusan yang dipersetujui.

**4. *Apakah jenis pertikaian boleh diselesaikan oleh timbang tara di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Majoriti pertikaian timbul daripada pembinaan, komoditi, insurans, tuan tanah dan penyewa, perjanjian pengedaran atau kontrak penyelidikan bersama dan pembangunan (R&D) atau mana-mana pertikaian komersial jenis lain.

**5. *Apakah kelebihan dalam menggunakan Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA adalah Kaedah-kaedah fleksibel dengan peruntukan yang sensitif kepada keperluan untuk melindungi kerahsiaan. KLRCA menyediakan bantuan pentadbiran kepada Pengantara dan pihak-pihak dengan menyediakan kemudahan-kemudahan, melalui pelantikan Pengantara, dengan menyediakan satu Jadual Fi tetap yang munasabah dan dengan menyediakan akaun fi yang seimbang dan kos yang digunakan dalam prosiding itu.

**6. *Bagaimanakah saya boleh memulakan tindakan di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Satupihak yang memulakan prosiding Pengantaraan adalah dikehendaki mengemukakan permintaan bertulis kepada KLRCA yang memberikan maklumat seperti yang dikehendaki di bawah Kaedah 3 Kaedah-kaedah Pengantaraan, membayar yuran pendaftaran tidak dikembalikan sebanyak USD50.00 untuk Pengantaraan Antarabangsa atau RM150.00 bagi pengantaraan Domestik.



**7. *Bilakah pengantaraan disifatkan sebagai dimulakan di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Pengantaraan di bawah naungan KLRCA hendaklah disifatkan sebagai telah bermula apabila KLRCA menerima notis penerimaan bertulis bagi Permintaan daripada pihak/pihak-pihak lain.

**8. *Berapa banyakkah kos untuk mengantara di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Jadual Fi KLRCA akan dikenakan untuk Pengantaraan melainkan jika Pengantara dan pihak-pihak bersetuju sebaliknya. Kos untuk mengantara akan termasuk pembayaran fi pendaftaran tidak dikembalikan oleh pihak yang memulakan pengantaraan, yang berjumlah USD50.00 untuk Pengantaraan Antarabangsa dan RM150.00 bagi Pengantaraan Domestik.

Fi Pengantara itu dikira berdasarkan jumlah hari yang diperlukan untuk Pengantaraan serta kadar setiap jam untuk mengkaji semula dokumen dan kerja-kerja berkaitan. Kos Pentadbiran KLRCA adalah ditetapkan pada USD250.00 Pengantaraan Antarabangsa dan RM500.00 untuk Pengantaraan Domestik.

**9. *Bagaimanakah Pengantara dilantik di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?***

Pihak-pihak adalah bebas untuk bersetuju dengan Pengantara yang dicadangkan. Jika, dalam tempoh 30 hari daripada Permintaan Pengantaraan di bawah Kaedah 4, semua pihak tidak menyetujui Pengantara yang dicadangkan yang bersedia untuk berkhidmat dan tidak hilang kelayakan di bawah Kaedah 10, Pengarah KLRCA kemudiannya hendaklah melantik Pengantara dan pihak-pihak adalah dianggap telah meluluskan pelantikan yang dibuat oleh Pengarah KLRCA.

**10. *Bolehkah pengantara yang dilantik hilang kelayakan di bawah Kaedah-kaedah?***

Ya. Jika mana-mana pihak membantah kepada perkhidmatan Pengantara, Pengantara akan dibatalkan.

**11. *Apakah yang akan berlaku jika pihak-pihak gagal membayar fi, kos dan perbelanjaan yang diperlukan?***

Pembayaran fi, kos dan perbelanjaan adalah dikawal selia oleh Kaedah 40. Jika pihak-pihak gagal membayar, Pengarah KLRCA hendaklah memaklumkan pihak-pihak supaya suatu pihak atau yang lain daripada mereka boleh membuat bayaran yang diperlukan. Jika mana-mana jumlah deposit yang diperlukan tidak dibuat, Pengantara, selepas perundingan dengan Pengarah KLRCA, boleh memerintahkan penggantungan atau penamatan prosiding Pengantaraan.

**12. Adakah prosiding Pengantaraan bersifat sulit?**

Ya. Pengantaraan di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA adalah bersifat sulit dan peribadi seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah 19-21. Pengantara, pihak-pihak, peserta dan KLRCA hendaklah merahsiakan semua perkara yang berhubungan dengan prosiding Pengantaraan kecuali pendedahan dipaksa oleh undang-undang atau jika ia adalah perlu bagi maksud pelaksanaan dan penguatkuasaan atau ia adalah dengan persetujuan pihak-pihak kepada Pengantaraan.

**13. Adakah pihak-pihak terhad untuk melantik Pengantara daripada Panel Pengantara KLRCA atau apabila mengantara di bawah Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA?**

Tidak. Tidak ada sekatan dikenakan, pihak-pihak adalah bebas untuk melantik Pengantara pilihan mereka.

**14. Berapakah lama masa yang diambil bagi keseluruhan prosiding?**

Di bawah Kaedah 28(d), Pengantaraan hendaklah dilengkapkan dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh Permintaan pengantaraan di bawah peraturan 4 kecuali pihak-pihak telah bersetuju sebaliknya.





PENYELESAIAN REGIONAL  
SOLUSI GLOBAL

# ***Kaedah-kaedah Pengantaraan KLRCA***

## **PUSAT TIMBANG TARA SERANTAU KUALA LUMPUR**

( DITUBUHKAN DI BAWAH NAUNGAN PERTUBUHAN  
PERUNDINGAN PERUNDANGAN ASIA-AFRIKA )

**Bangunan Sulaiman  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50000 Kuala Lumpur  
Malaysia**

**T +603 2271 1000**

**F +603 2271 1010**

**E [enquiry@klrca.org](mailto:enquiry@klrca.org)**

**[www.klrca.org](http://www.klrca.org)**